

Hutang Malaysia masih terkawal

➔ Jumlah dikategori
keberhutangan sederhana

**Oleh Mohd Anwar
Patho Rohman,
Rohaniza Idris dan
Ahmad Suhael Adnan**
bhnews@bh.com.my

► **Kuala Lumpur**

Datuk Seri Najib Razak berkata kedudukan hutang kerajaan Persekutuan masih terkawal dan negara dikategorikan sebagai negara keberhutangan sederhana.

Perdana Menteri berkata, sehingga akhir Jun lalu, jumlah hutang negara adalah RM655.7 bilion atau 53 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Beliau yang juga Menteri Kewangan berkata, daripada jumlah itu, 95.9 peratus atau RM626.8 bilion adalah hutang domestik, manakala 4.1 peratus atau RM 26.9 bilion adalah pinjaman pesisir.

"Kedudukan hutang Persekutuan kekal terurus dan

dikategorikan sebagai negara keberhutangan sederhana. Hutang yang dibuat kerajaan bertujuan membiayai defisit berikutan kekurangan hasil bagi menampung perbelanjaan pembangunan kerajaan.

Pembiayaan produktif

"Pinjaman yang dibuat itu digunakan untuk pembiayaan yang produktif dan menyokong pertumbuhan ekonomi dan manfaat rakyat seperti pembinaan sekolah, hospital, jalan raya dan empangan.

"Secara tidak langsung ia akan memberi manfaat kepada sektor swasta melaksanakan pelbagai program dan aktiviti ekonomi," katanya.

Perdana Menteri menjawab pertanyaan Datuk Noor Ehsanuddin Mohd Haru Narrashid (BN-Kota Tinggi) ketika sesi Waktu Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat, semalam.

Terdahulu, Najib berkata jumlah jaminan yang diberikan oleh kerajaan sehingga Jun 2016 adalah sebanyak RM180.9 bilion atau 14.7 peratus daripada KDNK.

"Jaminan itu diberikan kepada entiti awam yang melaksanakan projek infrastruktur seperti Prasarana dan PTPN (Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional), pembinaan infrastruktur seperti LRT, MRT dan penyediaan pinjaman pelajaran untuk pendidikan peringkat tinggi," katanya.

Menjawab soalan Dr Tan Seng Giaw (DAP-Kepong) yang bertanya dari mana pinjaman luar pesisir dibuat, Najib berkata, sebahagian besarnya adalah daripada sukuk yang diterbitkan oleh kerajaan dan dilindungi masyarakat antarabangsa.

"Kami lakukan perkara ini kerana sedikit sebanyak ia memberi isyarat bahawa mereka ada keyakinan terhadap pengurusan ekonomi negara Malaysia atau sebaliknya," katanya.

BH 26/10